

13/08/2002

Petronas dipelawa majukan industri petroleum

PUTRAJAYA, Isnin - Timor Lorosae, yang sebelum ini dikenali Timor Timur, mempelawa syarikat minyak negara, Petronas, untuk melabur di negara terbaru dunia itu yang kaya dengan sumber minyak dan gas.

Malah, negara yang baru merdeka 20 Mei lalu itu dengan ekonominya berasaskan perikanan dan pertanian, mahukan bantuan Malaysia untuk membangunkan prasarana serta pembangunan sosio ekonomi iaitu dalam usaha pembangunan semula negara yang dianggap termiskin di dunia.

Hasrat itu disampaikan Perdana Menteri Timor Lorosae, Dr Mari Bim Amude Alkatiri dalam pertemuan dengan rakan sejawatnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini yang kemudian diikuti dengan mesyuarat delegasi.

Pada sidang akhbar selepas pertemuan itu, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad, berkata Timor Lorosae ingin mendapatkan bantuan Malaysia kerana menganggap negara ini sebagai model terbaik dalam perancangan pembangunan dan pengurusan sumber.

"Mereka mahu membangunkan industri petroleum kerana mereka kaya dengan sumber gas asli dan minyak. Pelawaan itu adalah terbuka untuk Petronas melabur di sana. Malah mereka juga mahu bantuan Petronas dari segi khidmat nasihat dan sokongan bagi membolehkan mereka menubuhkan syarikat minyak seperti Petronas.

"Malah, pasukan teknikal di antara Timor Lorosae dan Petronas sudah menadakan perbincangan awal baru-baru ini. Butir lanjut mungkin diumumkan Petronas kemudian," katanya.

Sebelum ini, Menteri Luarnya, Jose Ramos-Horta, dipetik sebagai berkata walaupun negaranya sudah menandatangani perjanjian dengan Australia dalam industri minyak dan gas, mereka berharap Petronas dapat membuat pelaburan di negara itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Merican yang turut hadir pada mesyuarat delegasi itu, ketika ditemui enggan mengulas.

Alkatiri yang memegang jawatan Perdana Menteri selepas bekas wilayah Indonesia itu mencapai kemerdekaan 20 Mei lalu, tiba di negara ini malam tadi dengan mengetuai delegasi peringkat tinggi 27 anggota, termasuk 17 ahli perniagaan dalam lawatan pertamanya ke negara ini selama empat hari.

Terdahulu, ketibaannya di sini disambut Dr Mahathir sebelum menerima tabik hormat daripada pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja Malaysia (RAMD), diketuai Mejar Mohd Ariffin Saimun.

Dr Toyad berkata, selain usaha sama dalam industri minyak dan gas, Malaysia juga bersedia membantu Timor Lorosae dalam bidang pendidikan, pembangunan perusahaan dan pertanian.

Dalam bidang pendidikan, katanya, negara terbabit meminta Malaysia menyediakan tempat kepada pelajar mereka di universiti tempatan dan kemungkinan turut menyediakan biasiswa.

Katanya, pelajar yang bakal dipilih itu, akan menjadi tenaga kerja penting dalam pentadbiran Timor Lorosae.

Selain itu, katanya, Alkatiri meminta sokongan Malaysia bagi membolehkan negaranya menyertai Forum Serantau Asean (ARF) dan keanggotaan dalam Asean bermula dengan status sebagai pemerhati.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, ketika ditemui pula berkata Malaysia akan melihat bagaimana dapat membantu Timor Lorosae menerusi pelaburan dalam sektor hiliran dan berorientasikan eksport.

Beliau berkata negara itu juga ingin mendapatkan nasihat Petronas dalam

mengadakan kemudahan prasarana bagi membangunkan sektor minyak dan gas.

"Malaysia juga menawarkan pengalamannya dalam pentadbiran kerajaan, prasarana, pelaburan dan industri," katanya.

Katanya, Dr Mahathir menjelaskan mengenai perancangan pembangunan negara ini dan berdasarkan pengalaman itu, sanggup membantu Timor Lorosae. Berikutan itu, Alkatiri mencadangkan penubuhan suruhanjaya pentadbiran dan ekonomi di antara kedua-dua negara untuk melakukan langkah susulan kerjasama itu.